

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
JABATAN PERTANIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**



No. Sebut Harga : PPN.KDH (N) 14 / 2026

TAJUK KERJA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TANAMAN CILI MENGGUNAKAN SISTEM FERTIGASI DI KAMPUNG ALOR TEJA, KAMPUNG ALOR BULOH DAN KAMPUNG LORONG LIKU, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

Syarat-syarat Khas Sebut Harga:-

1. Pelawaan adalah terbuka kepada Pembekal / Kontraktor / Syarikat berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred G2 dibawah kategori CE pengkhususan CE 21 & B04 dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan sijil Taraf Bumiputera.
2. Pembekal / Kontraktor / Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** menghantar dokumen sebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga ini. Penyebut Harga yang menghantar dokumen sebut harga selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
3. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada Pembekal/ Kontraktor /Syarikat yang sah sahaja. Sehubungan itu, Pembekal/ Kontraktor /Syarikat juga adalah dinasihatkan untuk membuat pendaftaran kontraktor bagi perkhidmatan / bekalan/ kerja **secara atas talian** melalui sistem **Aplikasi iDAFTAR** melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) untuk tujuan pembelian Dokumen Sebut Harga.
4. **Tarikh lawatan tapak / Taklimat sebut harga** ialah pada **06 Julai 2026 (Isnin)**. Kontraktor yang berminat boleh berhimpun di **Dewan Millenium, Pusat Latihan Pertanian Telok Chengai, Jabatan Pertanian Negeri Kedah** pada tarikh tersebut pada **jam 10.00 PAGI**.
5. **Pembekal / Kontraktor / Syarikat yang berminat menghadiri sesi Lawatan Tapak / Taklimat Sebut Harga** diminta untuk memberi **maklumbalas pengesahan** kehadiran secara atas talian melalui sistem Aplikasi iDAFTAR melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>).

6. Dokumen Sebut Harga hanya boleh **diperolehi / dibeli dengan bayaran RM 10.00 melalui sistem Aplikasi iDAFTAR melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) mulai 06 Julai 2026 (Isnin) sehingga 13 Julai 2026 (Isnin).**
7. Pembekal / Kontraktor / Syarikat dikehendaki menyemak No. Siri Kawalan Dokumen yang diberi melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada halaman muka depan Dokumen Sebut Harga pada ruang kotak yang disediakan. Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
8. Sebut Harga ini akan ditutup pada **13 Julai 2026 (Isnin)**. Dokumen Sebut Harga yang telah dicetak dan dilengkapkan oleh Penyebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan No. Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Telok Chengai, Kuala Kedah, Kedah tidak lewat dari jam 12.00 tengahari** pada hari tersebut.
9. Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan **keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**
10. **Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Perolehan melalui emel ke perolehankejuruteraan@gmail.com atau ditalian 04-7775000.**

s.k
Pengarah Pertanian Negeri.

Di Iklankan pada 29 Jun 2026


NOR AZLINA BINTI ABU BAKAR
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Operasi)
Jabatan Pertanian Negeri Kedah